

Penglibatan Kerajaan dalam perniagaan penting, kata Mahathir

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata penglibatan Kerajaan dalam perniagaan adalah penting kerana keperluan Dasar Ekonomi Baru.

Penglibatan itu juga penting dalam bidang industri yang memerlukan modal besar dan tempoh kepulangan modal yang panjang.

"Tanpa penglibatan Kerajaan, industri ini tidak dapat diadakan," tegas beliau menjawab pertanyaan Encik Chan

Teck Chan (DAP-Kota Melaka), di Dewan Rakyat, petang ini.

Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian, menyatakan demikian bila Encik Chan bertanya sejauh manakah tinjauan dan kajian yang telah dijalankan oleh Kerajaan terhadap masalah dan cadangan pembangunan ekonomi dan pencapaian rakyat seperti terkandung dalam memorandum Gabungan Dewan-dewan Perniagaan dan Perindustrian China awal tahun ini.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata: "Pada umumnya wujud per-

bezaan pendapat antara interpretasi Kerajaan tentang berbagai kedudukan ekonomi dan sosial dengan interpretasi Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian China.

Umpamanya, sementara Kerajaan berpendapat bahawa iklim pelaburan di Malaysia adalah baik, gabungan berpendapat sebaliknya.

Dalam perkara seperti ini, Kerajaan cuma dapat menyatakan pendapatnya tanpa mengikut kehendak gabungan seperti menghapuskan Akta Penyelarasan Perindustrian (ICA).

Mengenai soal tempat dalam institusi pelajaran, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, Kerajaan telah mengambil tindakan dan pendapat Kerajaan tentang Universiti Merdeka diketahui umum.

Katanya, pegawai-pegawai Kerajaan juga telah diberi penerangan tentang dasar-dasar Kerajaan supaya tidak terjadi perbuatan yang dianggap sebagai "over-zealous".

Selanjutnya, beliau menegaskan, pendapat Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian China tetap ditimbang sebagai latar belakang dalam semua fancangan Kerajaan

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia